



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 46 /2021

**BERUSAHA MEMBINA SIFAT IHSAN
DALAM DIRI**

21 Rabiul Akhir 1443 H

Bersamaan

26 November 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang **penambahan** dan **pemindaan** terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaiian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ،
وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا،
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Wahai kaum muslimin yang dikasihi,

Saya mengajak diri saya dan kaum muslimin sekalian supaya bertaqwa kepada Allah azza wa jalla dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan tunduk dan taat serta melakukan semua perintah Allah, dan tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang Allah. Sesungguhnya amat bahagia lagi berjaya orang-orang yang bertaqwa dan berbuat ihsan, di dunia ini dan di akhirat. Tajuk khutbah pada hari yang penuh berkat ini ialah:

Berusaha Membina Sifat Ihsan Dalam Diri.

Allah telah berfirman di dalam Surah An-Nahl ayat 90:

❖ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَابْتَغِيَ يَعْظُمَ لِعَظْمِكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Ertinya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan (ihsan), serta memberi bantuan kepada kaum kerabat, dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan munkar serta kezaliman, supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya”

Ihsan dari sudut bahasa bererti berbuat kebaikan, manakala ihsan pada istilah ialah melakukan sesuatu kerja atau amalan dengan cara yang terbaik dan paling sempurna.

Menurut ulama tafsir, al-Raghib al-Ashfahani, ihsan itu bermakna melimpahkan kenikmatan atau kebajikan kepada pihak lain baik secara fizikal mahupun spiritual. Di samping itu, ketaatan manusia kepada Allah secara tulus ikhlas adalah juga termasuk dalam pengertian ihsan sebagai mana dapat difahami daripada firman Allah dalam surah al-Nisa', ayat 125 :

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا

﴿١٢٥﴾ وَأَتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا

Yang bermaksud: "Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid) dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayangan-Nya."

Justeru, konsep ihsan bukan sahaja memelihara mutu ibadah dan hubungan baik dengan Allah, malah ihsan juga merangkumi perbuatan dan perlakuan atau muamalat sesama manusia, sama ada bersangkutan perkara duniawi atau ukhrawi. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ،

وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ، وَلِيُحَدِّثَ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، فَلْيُرِخْ ذَبِيحَتَهُ

Yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah mewajibkan berihsan (menyempurnakan sesuatu dengan baik) dalam semua perkara, maka bila kamu menghukum bunuh, bunuhlah dengan cara terbaik, dan bila kamu menyembelih, sembelihlah dengan cara yang terbaik. Hendaklah seseorang kamu menajamkan pisau dan merehatkan sembelihannya".

(Hadis riwayat Muslim)

Imam al-Asfahani mentafsirkan ihsan dalam muamalat dengan dua pengertian iaitu memberikan limpahan nikmat untuk kesejahteraan dan kepentingan pihak lain, serta mempertingkatkan kualiti kerja. Pengertian pertama adalah tentang tanggungjawab besar seorang yang muhsin terhadap orang sekelilingnya bermula dari keluarga, jiran, dan sahabat handai dengan berusaha memberi kesejahteraan dan manfaat kepada mereka.

Manakala pengertian kedua memperlihatkan kewajipan insan supaya sentiasa mempertingkatkan kualiti kerja dan khidmatnya kepada masyarakat dengan berpaksikan kepada ilmu pengetahuan menyeluruh dan kemahiran yang mantap serta nilai integriti yang tinggi. Tanpa perkara ini, sudah pasti tidak akan lahir perbuatan atau kerja yang berkualiti ihsan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah

Ihsan dalam Islam adalah martabat amalan yang tertinggi bagi seorang muslim selepas Islam dan Iman. Gambaran yang menyeluruh tentang ketiga-ketiga martabat ini, telah diterangkan dalam sebuah hadis yang terkenal yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Saidina Umar al-Khattab r.a seperti berikut:

Daripada Umar r.a. katanya: Pada suatu hari sedang kami duduk di sisi Rasulullah s.a.w., tiba-tiba datang kepada kami seorang lelaki yang sangat putih kainnya, sangat hitam rambutnya, tidaklah kelihatan atasnya tanda-tanda orang yang sedang dalam perjalanan, dan tidak seorang pun daripada kami yang mengenalinya sehingga dia duduk berdekatan dengan Rasulullah s.a.w. lalu dia menyandarkan kedua-dua lututnya kepada kedua-dua lutut Rasulullah s.a.w. dan meletakkan kedua-dua telapak tangannya ke atas kedua-dua paha Nabi s.a.w.

Kemudian dia berkata: Hai Nabi Muhammad! Khabarkanlah kepadaku tentang Islam. Maka Rasulullah s.a.w. menjawab: Islam itu ialah bahawa engkau mengakui tiada tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu pesuruh Allah, dan engkau mendirikan sembahyang, dan engkau keluarkan zakat, dan engkau puasa bulan Ramadan, dan engkau mengerjakan haji di Baitullah jika engkau sanggup pergi kepadanya. Dia berkata: Benarlah engkau! Maka kami pun tercengang kerana dia yang bertanya dan dia pula yang membenarkannya.

Katanya lagi: Maka khabarkan kepadaku tentang Iman. Rasulullah s.a.w. menjawab: Iman itu ialah bahawa engkau beriman kepada Allah, dan malaikat-Nya, dan segala kitab-Nya, dan para Rasul-Nya, hari Kiamat dan engkau beriman kepada takdir baik-Nya dan buruk-Nya. Dia berkata: Benarlah engkau!

Kemudian dia bertanya lagi: Maka sekarang khabarkanlah kepadaku tentang Ihsan. Rasulullah s.a.w. menjawab: Ihsan ialah bahawa engkau menyembah

Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, tetapi jika engkau tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia (Allah) melihat engkau.

(Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Kesimpulannya hadis di atas telah memberi gambaran yang amat jelas bahawa ihsan adalah tahap tertinggi yang perlu dicapai oleh setiap muslim sama ada dalam ibadah mahupun dalam bidang muamalat sesama insan. Dalam usaha untuk mencapai tahap ihsan atau untuk menjadi seorang yang muhsin sudah tentu memerlukan usaha bersungguh-sungguh supaya sifat-sifat Ihsan ini terbina di dalam diri kita, dan supaya amalan kita mencapai tahap kesempurnaan dalam kehidupan di dunia dan diterima oleh Allah swt dan menjadi bekal terbaik di akhirat nanti dengan nilai syurga-Nya yang penuh kenikmatan yang sejati dan kekal abadi .

Antara sifat-sifat ihsan yang perlu kita bina ialah seperti berikut:

- 1- Merasai muraqabatullah iaitu dengan merasai bahawa dirinya sentiasa diperhatikan oleh Allah dalam semua amalan dan gerak kerjanya.
- 2- Melakukan semua amalannya itu dengan penuh ikhlas kepada Allah.
- 3- Merasai kemanisan dan keseronokan beribadah kepada Allah.
- 4- Melakukan semua amalannya dengan cara yang paling baik dan sempurna dan jauh dari penipuan atau pura-pura.
- 5- Menjauhkan diri dari melakukan perkara batil, salah dan khianat lantaran ada rasa takut kepada Allah yang Maha Agung sedang melihatnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ

وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

Bermaksud:“Barang siapa menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah, dan dia berbuat ihsan, dia mendapat pahala di sisi Tuhannya dan tidak ada rasa takut pada mereka dan mereka tidak bersedih hati.”

(Al-Baqarah: 112)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ،
ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهِ،
وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada.
Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan
kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli

sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.